

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (GENDANG PRU 14)

TARIKH: 12 MAC 2018

MUKA SURAT: 08



Wan Mohd berbual dengan penerima anugerah.

10,000 anggota bomba undi pos

ALOR SETAR - Seramai 10,000 pegawai dan anggota bomba yang terlibat dalam operasi diberi peluang menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi pos buat kali pertama, pada PRU14 akan datang.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, jumlah keseluruhan pegawai dan anggota bomba yang bertugas di seluruh negara ialah 14,000. Daripada jumlah itu, seramai 10,000 akan terlibat dengan undi pos kerana kekangan tugas.

"Biasanya, pada musim PRU, bomba akan dibekukan cuti bagi memastikan pegawai dan anggota kita sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan membabitkan ketenteraman.

"Lagipun, ada juga ramai dalam kalangan anggota bomba tidak mengundi di tempat bekerja, mereka mengundi di tempat lain. Mereka tidak boleh meninggalkan tempat kerja mereka," katanya, pada Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan Terpuji JBPM, Kedah 2017 yang berlangsung di Hotel Signature, di sini, semalam.

Menurut beliau, mengambil kira aspek itu, pihaknya sudah mendapat kebenaran Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) membenarkan anggotanya menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara menerusi undi pos.